



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/09/59 (HQ)

TNB NAJI KERJASAMA DENGAN INDIVIDU - PROGRAM PEMASANGAN SISTEM SOLAR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) merujuk kepada mesej media sosial berkaitan program pemasangan sistem solar di masji-masjid dan surau-surau ditawarkan seorang individu, kononnya dengan kerjasama TNB.

Kami menafikan terdapat kerjasama antara TNB dan individu tersebut bagi menawarkan perkhidmatan pemasangan solar seperti ditularkan.

Bagaimanapun, TNB menerusi anak syarikatnya GSPARX Sdn Bhd ada menawarkan skim pemasangan solar tanpa modal awalan kepada semua pelanggan komersial dan industri yang layak termasuk masjid dan rumah ibadat.

Skim ini yang dinamakan Solar Energy Purchase (SEP) membolehkan pelanggan menikmati penjimatan bil melalui penjanaan tenaga solar di atas bumbung.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang ditawarkan GSPARX, sila layari www.tnb.com.my/solar, www.gsparx.com atau email ke enquiry@gsparx.com.

Untuk rekod, TNB mempunyai pegangan dalam GSPARX menerusi anak syarikat milik penuhnya, TNB Renewables Sdn Bhd. TNB Renewables pula mempunyai 100% kepentingan dalam GSPARX.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 4 September 2019, jam 1.30 petang

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my